

Gotong-royong berkala cegah penularan denggi



Sebahagian komuniti taman yang menjayakan Program Gotong Royong Perdana Dan Pencegahan Aedes Taman Perwira, Telok Panglima Garang.

BANTING - Semua agensi berkaitan disarankan terus mengajurkan gotong-royong secara berkala bagi memupuk semangat kerjasama dalam menangani penularan wabak denggi.

Adun Sijangkang, Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, komuniti juga setempat perlu memainkan peranan ekoran Selangor mencatatkan jumlah

kes denggi tertinggi.

Menurutnya, peranan pelbagai agensi penting dalam memberi informasi terkini supaya rakyat faham situasi yang berlaku.

"Ini tidak, bila ada program di tempat kami banteras denggi mereka tidak datang dan tidak ambil peduli kes denggi yang berlaku di kawasan mereka.

"Paling tidak pun ikutlah program, sedikit sebanyak dapat maklumat terkini dan boleh turut serta bersihkan kawasan," katanya.

Beliau berkata demikian Program Gotong Royong Perdana Dan Pencegahan Aedes Taman Perwira, Telok Panglima Garang, anjuran persatuan penduduk, pasukan Combi dan Kawasan Rukun Tetangga

Taman Perwira.

Sementara itu, Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan Kanan, Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat, Mohd Imran Abdul Wahab berkata, pihaknya sentiasa memberi sokongan kepada program melibatkan komuniti untuk mencegah denggi.

Menurutnya, beliau mengambil pendekatan terus menyalurkan

maklumat kepada semua pihak bagi menangani kes denggi yang sering berlaku di kawasan 'panas'.

"Saya faham kebanyakan penduduk sibuk. Namun, jika tidak dapat luangkan masa bersama masyarakat, mereka perlu membersihkan kawasan rumah sendiri daripada menjadipenyebabpembiasian nyamuk," katanya.

Bas Smart masuk Kuala Langat

Perkhidmatan bakal dilancarkan paling awal Mei ini

BANTING - Penduduk di Kuala Langat bakal menerima manfaat kemudahan perkhidmatan Bas Smart Selangor yang bakal dilancarkan pada tahun ini.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, pihaknya menjangkakan perkhidmatan itu akan dilaksanakan paling awal Mei ini daripada perancangan asal pelancarannya pada Julai.

Menurutnya, kertas cadangan perlaksanaan perkhidmatan Bas Smart Selangor dibentangkan pada Mesyuarat Penuh MDKL semalam, dan mendengar pelbagai cadangan ahli majlis untuk penambahbaikan.

"Pada masa ini, perkhidmatan bas di daerah ini diuruskan operator bas Syarikat Cityliner yang menyediakan perkhidmatan bas ke tujuh destinasi meliputi kawasan dari Banting ke Klang, Putrajaya, KLIA, Kuala Lumpur dan lokasi dalam daerah.

"Perancangan perlaksanaan perkhidmatan Bas Smart Selangor akan menghubungkan laluan utama yang dapat memudahkan jaringan perhubungan sosial melalui jalan darat an-



MOHD AZHAR

tara daerah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mohd Azhar berkata, dua laluan dicadangkan untuk dua bas yang telah diperuntukkan bagi laluan di sekitar Kuala Langat termasuk kawasan tumpuan pembangunan iaitu cadangan laluan 1 (antara daerah) Banting - KLIA - Kota Warisan - ERL Salak Tinggi (sepanjang 33 kilometer) manakala melalui Labuhan Dagang, MRSM dan terus ke ERL Salak

Tinggi melalui Kota Warisan.

Manakala, bagi cadangan laluan 2 (dalam daerah) merangkumi Terminal Bas Banting - Stadium Telok Datok - Pejabat Tanah Kuala Langat - Terminal Teksi Banting - Majlis Daerah Kuala Langat - Hospital Banting - Taman Banting Baru - Terminal Bas Banting di laluan sepanjang 36.95 kilometer sekitar satu jam 11 minit.

"Cadangan jumlah bas pula dianggarkan empat buah dalam masa 30 minit," katanya.

Selain itu, MDKL akan menggunakan pakai keputusan pihak Pentadbiran Kerajaan Negeri agar penyediaan perkhidmatan Bas Smart Selangor disediakan melalui perolehan tender terbuka.